

10 FEB 1998

TIGA BELAS ANGGOTA IAP DISAHKAN HADIRI MESYUARAT KEDUA DI CYBERJAYA

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Seramai 13 anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengesahkan penyertaan mereka dalam mesyuarat kedua panel itu di Cyberjaya, dekat sini 12 dan 13 Feb ini.

Mereka adalah pengerusi dan ketua pegawai eksekutif (CEO) Acer Incorporated Dr Stan Shih, pengerusi merangkap CEO Alcatel Alsthom Serge Tchuruk, penasihat kanan bagi Pusat Kajian Antarabangsa dan Strategik di Washington Duta Diana Lady Dougan, pengerusi dan CEO EDS Corporation Lester M Alberthal Jr., Presiden dan CEO Ericsson Dr Lars Ramqvist dan ketua pegawai operasi Lucent Technologies Ben Verwaayan.

Peserta lain adalah pengerusi dan CEO Madge Networks Robert Madge, pengerusi Motorola Inc. Gary Tooker, pengerusi NEC Dr Tadahiro Sekimoto, pengarah urusan Ohmae and Associates Dr Kenichi Ohmae, pengerusi Silicon Graphics Bob Bishop, profesor pengurusan awam dan swasta Stanford University Prof. William Miller dan bekas CEO Nets Inc. yang kini pelabur persendirian dalam teknologi multimedia Jim Manzi.

Berdasarkan kepada senarai terbaru pengesahan status senarai anggota IAP seperti yang dikeluarkan oleh Multimedia Development Corporation (MDC) hari ini, 31 anggota panel tidak akan menghadiri mesyuarat itu dengan 12 daripada mereka diwakili oleh pemerhati.

Mereka termasuklah Dr John Cage yang akan mewakili Dr Scott McNealy daripada Sun Microsystems, Masanabu Suzuki mewakili Jun-Ichiro Miyazu daripada NTT, Dr Mikko Kosonen mewakili Jorma Ollila daripada Nokia Corp, George Samenuk mewakili Louis Gerstner Jr. daripada IBM dan Derek Williams mewakili Larry Ellison daripada Oracle.

CEO Microsoft, Bill Gates dan presiden Sony Corporation Nobuyuki Idei tidak akan menghadiri mesyuarat IAP itu, yang disertai oleh peneraju dan pakar-pakar industri multimedia, yang akan menasihatkan kerajaan mengenai pembangunan MSC.

Mesyuarat sulung panel itu diadakan di Stanford, Amerika Syarikat pada awal lalu selepas pelancaran MSC.

Perbincangan dan cadangan mereka dalam mesyuarat itu akan digunakan untuk membantu merangka strategi bagi pembangunan selanjutnya MSC, projek utama untuk meningkatkan kemajuan Malaysia dalam dunia teknologi maklumat (IT).

Perkara utama di dalam agenda itu adalah laporan terkini mengenai kemajuan MSC kepada anggota sejak pertemuan terakhir mereka dahulu.

Mereka juga akan dibawa menaiki helikopter untuk melihat pemandangan daripada udara kawasan MSC, pusat kegiatan pembangunan multimedia seluas 15 kali 50 kilometer persegi yang terletak di antara Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Empat syarikat telah disaring untuk memberi taklimat ringkas kepada anggota panel mengenai pengalaman operasi mereka sebagai syarikat MSC dan bagaimana mereka memperolehi faedah daripada projek itu.

Sehingga kini sejumlah 103 syarikat telah diberikan status MSC dengan 80 daripada mereka telah beroperasi dan 23 masih dalam proses menubuhkan operasi mereka.

Perkara lain yang dibangkitkan dalam agenda itu adalah isu penguatkuasaan Akta Tandatanganan Digital, yang telah diluluskan oleh Parlimen tahun lalu dan cadangan Akta Pemusatan Multimedia, yang

kemungkinan akan dibentangkan di Parlimen tahun ini.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan mengenai isu melangkaui sempadan seperti perdagangan elektronik, keselamatan, isu platform sama rata dalam permohonan kad pintar, kandungan pembangunan yang termasuk kurikulum bagi universiti dan pos-produksi industri filem dan kesan-kesan sosial internet yang termasuk isu penapisan. -- BERNAMA

MFJ ZK OS